

# Kembara Sutera

2017

CRI

中国国际广播电台

Nikmati Keindahan Bumbung Dunia  
Bersantai di Pantai Paling Indah di China  
Kampus Yang Paling Indah di China  
Nanyin, Melodi Selatan Yang Mendamaikan  
Bandar-bandar Pelancongan di Taiwan  
Taman Tema Ocean Park Hong Kong

Tasik Lugu  
Yang Mendamaikan





*Discover the beauty of China with us*



[www.airchina.com.my](http://www.airchina.com.my)

Kuala Lumpur-Beijing 0020-0630

Beijing-Kuala Lumpur 1640-2310

Fly with us on A330-300(301 Seats)

[Facebook.com/AIR CHINA KUL](https://www.facebook.com/AIR CHINA KUL)

Email:[kul\\_ca@outlook.com](mailto:kul_ca@outlook.com)

Tel:03-21661999 Fax:03-21663999



## Pembaca yang budiman

Setelah tiga bulan berlalu, bagaimakah tahun 2017 anda? Sekiranya sebelum ini, anda begitu sibuk menyudahkan kerja-kerja hujung tahun, dan hanya mampu mendengar kisah percutian rakan-rakan yang menyeronokkan, maka kini, tibalah pula giliran anda.

Pernahkah anda mendengar ungkapan, "don't listen to what they say, go see"? Mungkin kata-kata tersebut boleh menjadi penguat semangat kepada anda untuk memulakan langkah pertama. Anda tidak perlu lagi menjadi pendengar setia cerita rakan-rakan anda. Ayuh, mulakan perjalanan dan lihat sendiri apa yang ingin anda lihat!

Majalah Kembara Sutera (KS) kali ini boleh dikatakan amat istimewa kerana menghidang pelbagai pilihan destinasi percutian untuk anda. Anda boleh memilih untuk bercuti ke Tasik Lugu sambil menghayati keunikan budaya puak Mosuo atau menikmati pemandangan dataran tanah tinggi di Tibet. Jika dataran tanah tinggi tidak begitu sesuai dengan anda, maka bersantai di pantai atau merasai keriangan di Taman Tema Ocean Park Hong Kong adalah pilihan yang paling cocok buat anda.

Selain tanah besar, ada banyak destinasi yang menarik di Taiwan. Ambillah kesempatan kali ini untuk meneroka dan menyaksikan sendiri kemajuan dan kemodenan Taiwan, anda pasti berasa kagum kerana apa yang didengar, ada kalanya berbeza dengan apa yang dilihat. Inilah masanya untuk anda pula menjadi "tukang cerita" kepada rakan-rakan anda tentang kehebatan Taiwan.

Tidak lengkap KS rasanya tanpa hidangan istimewa dari Dapur Anisah. Untuk pengetahuan anda, ikan timah adalah antara hasil laut yang popular di China. Sekiranya setelah pulang dari bercuti, anda masih terkenang akan keenakan ikan timah, apa kata anda mencuba sendiri hidangan tersebut. Anda bukan sahaja dapat menikmati kelazatannya, malah pasti semakin bijak seperti Anisah.

Baiklah, kami berharap anda akan mendapat manfaat daripada kandungan KS kali ini. Semoga bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang. **KS**

3K  
Awan



Penerbit:  
**Radio Antarabangsa China (CRI)**

Ketua Pengarang:  
**An Xiaoyu**

Timbalan Ketua Pengarang:  
**Zhang Wenwen**

Ketua Editor:  
**Wang Jin**

Editor:  
**Zaidah Ahmad Rosly**  
**Zhang Wei Lin Ying**

Tempat Edaran:  
**Malaysia**

Tarikh Terbit:  
**Julai, September, November, Januari,  
Mac, Mei**

Laman Sesawang:  
<http://malay.cri.cn>

facebook:  
[www.facebook.com/kembarasutera](http://www.facebook.com/kembarasutera)

E-mel:  
[mal@cri.com.cn](mailto:mal@cri.com.cn)

Surat-menurat:  
**Malay Service,**  
**China Radio International,**  
**16A Shijingshan Road,**  
**100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:  
**+86-10-68892073**

02

*Tasik Lugu Yang Mendamaikan*

10

*Nikmati Keindahan Bumbung Dunia*

14

*Bersantai di Pantai Paling Indah di China*

18

*Kampus Yang Paling Indah di China*

22

*Nanyin, Melodi Selatan Yang Mendamaikan*

24

*Bandar-bandar Pelancongan di Taiwan*

28

*Kereta Api Yang Membawa Anda ke Alam Khayalan*

32

*Taman Tema Ocean Park Hong Kong*

34

*Dapur Lazat Anisah: Ikan Timah Masak Kicap*



# Tasik Lugu

Yang Mendamaikan



Tasik Lugu yang indah terletak di sempadan provinsi Yunnan dengan provinsi Sichuan, bahagian barat daya China. Puak Mosuo, suku kaum Naxi menghuni di sekitar kawasan tersebut. Hingga kini, puak itu masih mengekalkan cara hidup nenek moyang sebelah ibu. Kebudayaan Mosuo yang kuno berserta pemandangan alam yang indah dan orang Mosuo yang misteri menarik tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Tambahan pula, Tasik Lugu yang tenang dan indah, merupakan tempat yang mempesona.

Tasik Lugu yang dilingungi sempadan provinsi Yunnan dan provinsi Sichuan itu,

luasnya lebih 50 kilometer persegi dengan ketinggian 2,690 meter dari paras laut. Kedalaman air puratanya 45 meter, dan bahagian yang paling dalam lebih 90 meter. Tasik Lugu dipanggil sebagai "Lukahaizi" pada zaman dahulu, dan juga dipanggil sebagai "Zuosuohai" dan "Lianghai". Dalam bahasa Mosuo, Lu bermaksud gaung, dan Gu bermaksud di dalam. Maka Tasik Lugu bermaksud tasik di dalam gaung.

Terdapat lima pulau, tiga semenanjung dan satu pulau penambak di tasik itu. Bentuk pelbagai pulau di tasik itu adalah berbeza-beza dan warnanya hijau.

Tasik Lugu

merupakan tasik yang paling tinggi di provinsi Yunnan dan merupakan salah satu tasik air tawar yang paling dalam di China. Pulau yang hijau dan air tasik yang biru membentuk landskap yang indah. Di beberapa pulau, ada kuil Buddha Tibet. Ramai orang Mosuo yang menganut agama Buddha Tibet sentiasa bersembahyang di kawasan itu.

Tasik Lugu dikelilingi oleh banyak gunung, dan mempunyai pemandangan bersalji selama lebih 3 bulan setiap tahun. Kawasan sini kaya dengan sumber hutan, dan pemandangan yang amat indah.

Tujuh etnik menghuni kawasan tersebut, iaitu etnik Yi, Han, Naxi, Tibet, Primi, Bai

dan Zhuang. Jumlah penduduk tujuh etnik tersebut mencecah hampir 13 ribu orang, dan daripada jumlah itu, puak Mosuo mencatat jumlah hampir 6 ribu orang.

Kawasan pemandangan Tasik Lugu membentuk pemandangan alam dan kemanusiaan yang istimewa dengan pemandangan tasik dataran tinggi yang tipikal dan kebudayaan warisan Mosuo yang istimewa.

Tasik Lugu bukan sahaja mempunyai air yang jernih, tetapi juga mempunyai pulau yang indah. Jika dipandang dari jauh, pulau-pulau di tasik itu kelihatan seperti kapal yang hijau terapung di permukaan tasik. Antaranya, Pulau Heiwatu, Pulau Liwubi dan Pulau Lige merupakan destinasi pelancongan yang paling mempesona di Tasik

Lugu. Ketiga-tiga pulau tersebut dikenali sebagai "Tiga Pulau Penglai".

Pulau Heiwatu terletak di tengah-tengah tasik itu dan 2,500 meter dari kampung Luoshui di pinggir tasik. Pulau itu merupakan kawasan habitat burung berhijrah dan itik liar.

Kebudayaan warisan nenek moyang sebelah ibu Mosuo juga menarik ramai pelancong dari pelbagai tempat di dunia kerana keistimewaannya yang unik.

Puak Mosuo sekarang masih mengekalkan tradisi warisan turun temurun sebelah ibu. Neneh mempunyai kuasa yang paling tinggi dalam sebuah keluarga Mosuo.

Setiap keluarga mempunyai "rumah nenek" yang tunggal. Susunatur rumah itu amat istimewa dan rumah itu merupakan pusat aktiviti bagi semua anggota keluarga.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kesan daripada kebudayaan luar, rumah nenek Mosuo semakin kurang, manakala "sistem nenek" yang unik dalam kebudayaan Mosuo juga semakin pupus.

Untuk memelihara warisan kebudayaan Mosuo yang unik itu, Jawatankuasa Pengurusan Tasik Lugu melaksanakan tindakan yang positif, seperti menggalakkan puak Mosuo membina "rumah nenek", menggalakkan orang tempatan menggunakan bahan binaan tradisional dan mengekalkan adat resam tradisional.


Kebudayaan Mosuo merupakan sejenis kebudayaan yang tunggal dan tidak ada yang setara dengannya di dunia. Kebudayaan Mosuo perlu dilindungi secara kekal. **KS**



# Nikmati Keindahan *Bumbung Dunia*

Dataran Tinggi Qinghai-Tibet dikenali sebagai "bumbung dunia" kerana altitud puratanya melebih 4,000 meter dari paras laut. Melancong ke kawasan Tibet sentiasa menjadi impian pelancong dari dalam dan luar negara China. Cuaca ekstrem di kawasan Tibet dianggap "halangan" yang paling besar bagi pelancong. Walaupun begitu, gunung yang diliputi salji sepanjang tahun, tasik yang airnya jernih dan membiru, budaya etnik Tibet yang istimewa, pelbagai spesies haiwan liar yang terancam, tetap menjadi tarikan bagi pelancong.





## Gunung Everest

Gunung Everest merupakan gunung yang paling tinggi di dunia dengan ketinggian 8,844.43 meter dari paras laut.

Gunung Everest berada di kawasan sempadan antara China, Nepal dan India, dan dipanggil "Gunung Qomolangma" oleh rakyat China.

Oleh sebab Gunung Everest ditemui oleh penduduk etnik Tibet pada zaman dahulu kala, maka gunung tersebut dinamai "Gunung Qomolangma" yang bermaksud "dewi yang ketiga."

Pada tahun 1952, semasa

di bawah pentadbiran British, Jabatan Ukur dan Pemetaan India telah mengesahkan bahawa Gunung Everest merupakan gunung yang paling tinggi di dunia.

Mereka menganggap mereka adalah pihak yang paling awal menjumpai gunung berkenaan, lalu menamai gunung itu "Mont Everest" sempena nama ketua pengarah jabatan tersebut, iaitu George Everest.

Pada zaman dahulu, kawasan Gunung Everest merupakan kawasan laut. Apabila berlakunya pergerakan bumi antara benua India dan

benua Asia pada 40 juta tahun yang lalu, banjaran Gunung Himalaya semakin bergerak ke atas dan akhirnya menjadi banjaran yang paling tinggi di dunia.

## Daocheng Yading

Daocheng Yading, tanah seluas 7,323 kilometer persegi ini, seolah-olah telah dilupakan zaman. Meskipun ribuan tahun sudah berlalu, tanah ini masih menyimpan sanubari yang paling suci sehingga membolehkannya menyerlahkan pesona tersendiri.

Daocheng Yading terletak di barat daya daerah Ganzi, provinsi Sichuan. Gunung Dewa Daocheng terdiri daripada tiga buah gunung salji yang amat terkenal, iaitu Gunung Xiannairi di sebelah utara yang tingginya 6,032 meter dari paras laut, Gunung Yangmaiying di sebelah selatan yang tingginya 5,958 meter dari paras laut dan Gunung Xianuoduoji di sebelah timur dengan ketinggian 5,958 meter dari paras laut. Gunung dewa tersebut tidak pernah sunyi daripada kunjungan orang ramai untuk memujanya.

Gunung Xiannairi merupakan gunung yang paling tinggi antara ketiga-tiga gunung tersebut. Pada setiap tahun, ramai penduduk etnik Tibet datang ke sini untuk memuja gunung salji tersebut dengan cara mengelilinginya bagi memohon kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

Orang yang paling awal menemukan Daocheng Yading

ialah seorang mubaligh dari Amerika Syarikat (AS) yang bernama Joseph Rock. Pada tahun 1928, beliau bertolak dari kota Lijiang, provinsi Yunnan, melalui kaunti Muli, provinsi Sichuan dan akhirnya sampai di kaunti Daocheng. Gambar-gambar yang diambil oleh beliau di Daocheng turut menimbulkan sensasi selepas diterbitkan dalam majalah National Geographic AS. Pada waktu itu, Joseph Rock menganggap tempat yang ditemukan beliau ialah kaunti Zhongdian di provinsi Yunnan. Hingga tahun 1996, barulah tempat berkenaan disahkan Daocheng Yading.

Kawasan peranginan Daocheng Yading yang dikelilingi gunung-ganang nan menghijau dan kaya dengan sumber mata air panas serta flora dan fauna, menyajikan landskap semula jadi yang sungguh memukau sehingga digelar "tempat paling indah di bumi". Daocheng Yading menjanjikan

pengalaman percutian yang cukup mendamaikan jiwa.

## Tasik Ranwu, Penuh Misteri dan Serlahkan Keindahan

Tasik Ranwu yang terletak di kawasan setinggi lebih 3,807 meter di atas paras laut merupakan tasik yang terbesar di timur wilayah Tibet, China.

Sebagai sumber Sungai Palongcangbu, anak sungai Yarlung Zangbo, tasik itu menjadi destinasi yang wajib dikunjungi oleh pelancong yang mengikut pakej dari Sichuan ke Tibet. Glasier Laguna yang amat terkenal terletak di utara tasik Ranwu yang sepanjang 26 kilometer.

Ketika musim bunga, ais yang mencair dari glasier itu menjadi sumber air bagi tasik itu. Terdapat padang rumput semula jadi yang sungguh memukau sehingga digelar "tempat paling indah di bumi". Ranwu, sedangkan hutan yang rimbun serta bunga Azalea yang berwarna-warni kelihatan di

lereng gunung di sebelah tasik itu. Puncak gunung itu diliputi dengan salji sepanjang tahun.

Di Gunung Nangazuo yang sejauh lima kilometer dari tasik Ranwu, terdapat gua Karst Ranwu yang amat terkenal. Nangazuo bererti "tempat didiami ramai dewa" dalam bahasa Tibet. Terdapat sejumlah besar batu yang bentuknya aneh di gunung tersebut.

Seiring dengan perubahan musim, warna air di tasik itu pula berbeza-beza. Air tasik yang amat jernih dan berwarna cantik, beserta padang rumput dan hutan yang berwarna hijau dengan berlatarbelakangkan gunung salji, mencipta pemandangan yang seperti lukisan.

Penduduk di kawasan tasik itu mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang lukisan, nyanyian, tarian dan seni ukiran. Tiga jenis tarian mereka tersenarai sebagai warisan budaya bukan kebendaan negara pada 2006. **KS**



# Bersantai di Pantai Paling Indah di China

*Orang yang hidup di tempat yang jauh dari pantai atau laut sentiasa menyimpan impian untuk bercuti ke kedua-dua tempat tersebut.*

*Walaupun pilihan pulau di luar negara lebih banyak, namun kebanyakan warga China masih suka bercuti ke pulau-pulau di China kerana percutian sebegini lebih mudah dan biasanya murah daripada percutian ke luar negara.*



## Teluk Yalong, Sanya

Pulau yang paling indah di China ialah Sanya, provinsi Hainan, yang terletak di selatan negara ini dan Teluk Yalong merupakan pantai yang paling indah di Sanya.

Kawasan pantai di Teluk Yalong yang sepanjang 8 kilometer itu luas dan rata. Pasirnya putih dan halus, manakala sumber alam semula jadi pula amat unik.

Berkunjung ke Teluk Yalong dan memandang pasir pantai nan memutih, laut yang biru dan jernih, pepohon kelapa yang meliuk-liuk dan awan-gemawan bak kepulan kapas menjadikan laut begitu istimewa di hati kita.

Sekiranya anda menaiki kapal terbang ke Sanya, pilihlah tempat duduk berdekatan dengan tingkap supaya anda boleh melihat perairan Sanya yang menarik

dari ruang udara semasa kapal terbang hendak mendarat mahupun berlepas.

Majalah China National Geographic 2005 edisi khas telah memilih Teluk Yalong sebagai pantai yang paling indah di China dan pilihan tersebut benar-benar tepat.

Gunung-ganang nan menghijau yang mengelilingi Teluk Yalong meronakan landskap di teluk itu seindah lukisan.



### Pantai Yuliao, "Hawaii Timur"

Pantai Yuliao merupakan kawasan peranginan peringkat provinsi yang menggabungkan percutian, riadah dan hiburan sehingga mendapat gelaran "Hawaii Timur". Pemandangan di Yuliao kelihatan bertambah indah dengan pasir pantai halus yang berwarna kuning, air laut yang kebiruan dan berkilau-kilauan tatkala disimahi cahaya matahari.

Pantai Yuliao terletak di selatan kaunti Cangnan provinsi Zhejiang yang berjarak hanya kira-kira 60 kilometer dari pusat kaunti tersebut. Kawasan ini mendapat nama "Yuliao" setelah nenek moyang keluarga Ke dan Yang berhijrah dari Quanzhou provinsi Fujian ke situ, lalu membina pondok untuk menangkap ikan ketika zaman pemerintahan Maharaja Yongzheng (1723-1735) Dinasti Qing.

Perkataan "Liao" bermaksud pondok, maka kawasan tersebut dipanggil "Yuliao" yang bermaksud pondok untuk menangkap ikan.

Kawasan peranginan Yuliao kini luasnya 2.3 kilometer persegi. Pantainya yang berbentuk seakan-akan bulan sabit mempunyai panjang 2 ribu meter, manakala lebarnya pula 800 meter.

Pantai tersebut merupakan pantai yang paling panjang di bahagian tenggara negara China dan mampu menampung lebih 10 ribu pengunjung secara serentak sehingga dianggap sebagai tempat bermain air laut atau tempat untuk mengadakan aktiviti sukan pantai yang paling ideal.

Terdapat banyak batu dengan pelbagai saiz, selain bentuknya yang berlubang-lubang di tengah-tengah Pantai Yuliao.

Batu seperti ini dinamai "Batu Muzik" kerana batu tersebut akan berbunyi seperti bunyi dram besar, dram kecil dan gong sekiranya diketuk pada bahagian yang berbeza.

Berhadapan dengan Pantai Yuliao yang berjarak kira-kira 800 meter terdapat sebuah pulau yang bentuknya seolah-olah seekor penyu.

"Wen Ge", yang terdapat di Pantai Yuliao merupakan kepah yang bermutu tinggi kerana tidak dicemari pencemaran dan terpilih oleh Jepun sebagai hasil laut importnya.

### Pulau Nan'ao, Mutiara di Kota Shantou

Pulau Nan'ao, yang berada di bawah pentadbiran bandar Shantou, merupakan satu-satunya kaunti sebuah pulau di provinsi Guangdong, China.

Pulau itu terletak di sempadan kawasan perairan tiga provinsi dan kawasan China, iaitu Taiwan, Fujian dan Guangdong.

Pulau itu juga terletak berhampiran dengan laluan utama pelayaran antarabangsa Pasifik Barat.

Sejak zaman dahulu, Nan'ao menjadi tempat persinggahan terpenting bagi kapal-kapal saudagar yang belayar di kawasan tenggara China.

Terdapat 1,400 jenis flora dan banyak jenis lagi fauna di pulau itu.

Penghuni pulau tersebut telah menetap di pulau itu sejak lapan ratus tahun yang lalu. Terdapat lebih 50 peninggalan sejarah di situ.

Pantai di Pulau Nan'ao sepanjang 77 kilometer. Pantai di teluk Qing'ao mempunyai pasir yang halus dan air yang jernih.

Pantai di teluk itu menjadi pusat peranginan yang digemari oleh para pelancong. Terdapat 66 teluk di Pulau Nan'ao dan kebanyakannya teluk itu sesuai dibina pelabuhan untuk kapal-kapal kargo yang besar.

Perigi Song adalah tinggalan sejarah yang

terkenal di Pulau Nan'ao. Menurut catatan sejarah, ketika maharaja melarikan diri daripada diserang tentera Mongolia, baginda dan pasukan tentera Dinasti Song (960-1279) telah singgah di Pulau Nan'ao untuk mendapatkan keperluan logistik. Namun, air tawar menjadi masalah utama yang menyukarkan pasukan tentera itu. Dengan perintah maharaja, pasukan tentera telah menggali tiga perigi. Perigi Song menjadi satu-satunya perigi yang ditemui pada ketika ini. Perigi itu hanya berjarak 10 meter dari air laut. Air di perigi itu amat jernih dan sedap rasanya.

Menurut legenda, orang yang meminum air di perigi itu akan kelihatan awet muda. **KS**





# Kampus Universiti Yang Paling Indah di China



*Walaupun sudah lama memasuki alam pekerjaan, namun pengalaman di kampus universiti sentiasa menjadi kenangan yang paling indah dan manis dalam hidup kita. Membaca buku di bawah pokok, menyusuri jalan-jalan kecil yang bertaburan kelopak-kelopak bunga, bunyi loceng basikal yang nyaring, kolam yang diliputi daun teratai pada musim panas..... Sidang editor telah memilih kampus-kampus universiti yang dianggap paling indah di China. Masa yang paling manis itu, masihkah kauingat?*





**01** Universiti Wuhan terletak di tebing timur Tasik Timur. Pada bulan Mac dan April setiap tahun, kampus Universiti Wuhan akan dibanjiri pelancong yang khusus datang untuk melihat bunga sakura yang berkembang mekar.


**02** Universiti Xiamen, walaupun sebuah institusi pengajian tinggi, namun universiti ini dianggap destinasi yang wajib dikunjungi oleh para pelancong jika melawat ke bandar Xiamen kerana panorama yang indah, bangunan-bangunan yang mempunyai seni bina tradisional China, di samping bunga phoenix yang tumbuh mekar pada musim panas.

**03** Mendiang Dr. Sun Yat-Sen pernah mendirikan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Ketenteraan Huangpu dan Universiti Sun Yat-Sen. Kampus universiti ini dipenuhi ciri-ciri keistimewaan provinsi Guangdong, antaranya termasuklah pintu gerbang Jinshi, dewan kecil dan pavilion Xingting.

**04** Universiti Yunnan yang terletak di bandar Kunming, ibu kota provinsi Yunnan ini selalu dipenuhi aroma wangi kerana ada pelbagai spesies bunga berkembang mekar pada musim yang berbeza.

**05** Universiti Sichuan terletak di bandar Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan. Selain binaan yang bersejarah, kolam teratai pada musim panas dan hutan pokok gingko yang berwarna kuning keemasan pada musim gugur juga menjadikan pemandangan di kampus universiti itu begitu mempesona.





06

**06** Universiti Peking adalah antara universiti yang paling baik di negara China. Di kampus universiti tersebut terdapat dua "mercu tanda", iaitu Menara Boya dan Tasik Weiming.

**07** Universiti Tsinghua terletak di barat laut bandar Beijing. Universiti itu mempunyai kampus yang paling luas di kawasan bandar Beijing. Universiti Tsinghua juga adalah antara institusi pengajian tinggi yang paling baik di negara ini. Menuntut di Universiti Tsinghua merupakan impian bagi kebanyakan pelajar.

**08** Universiti Suzhou Bandar Suzhou terkenal dengan seni bina taman swasta. Pepatah China menyebut, "ada kayangan di langit, ada Suzhou dan Hangzhou di bumi". Di kampus universiti ini bukan sahaja ada taman-taman tradisional China, malah juga terdapat binaan-binaan dengan seni bina Eropah.

**09** Universiti Zhejiang terletak di bandar Hangzhou, ibu kota provinsi Zhejiang. Oleh sebab kampus universiti ini terletak di bandar yang digelar sebagai "kayangan", maka panorama di situ pasti memikat hati.

**10** Universiti Fudan yang terletak di bandar Shanghai sering dikaitkan dengan suasana romantik. Bangunan-bangunan di dalam kampus universiti itu bercirikan seni bina Barat. Pada musim gugur, dedaun yang berubah warna merah dan kuning keemasan akan gugur dan berterbangan tatkala ditiup angin. Banyak yang mahu datang ke kampus universiti tersebut untuk mengambil gambar kenangan. **Ks**





## Melodi Selatan Yang Mendamaikan

Sekiranya anda berada di bahagian selatan China, khususnya di Jinjiang, provinsi Fujian, anda pasti berpeluang mendengar nyanyian atau melodi yang begitu lembut dan mendamaikan, hingga membuat anda tertanya-tanya tentang muzik tersebut. Nyanyian atau melodi indah tersebut datangnya daripada "Nanyin", salah satu genre muzik klasikal China yang sudah berusia hampir seribu tahun.

Persembahan Nanyin terdiri daripada seorang penyanyi yang duduk di tengah-tengah pentas sambil bermain sejenis alat perkusi daripada kayu, iaitu penepuk kayu. Penepuk kayu akan mengeluarkan bunyi seperti bunyi kastanet, di samping memberikan satu

kesan bunyi yang istimewa apabila diiringi dengan empat alat muzik utama, iaitu Pipa, Dongxiao (sejenis flut), Erxian (alat muzik bertali dua) dan Sanxian (alat muzik bertali tiga).

Sekiranya anda berpeluang untuk menyaksikan persembahan Nanyin, anda pasti dapat melihat beberapa perkakas yang perlu ada di atas pentas semasa persembahan tersebut berlangsung. Setiap satu perkakas tersebut



mempunyai sejarah yang tersendiri, sebagai contoh patung singa emas yang diletakkan di bahagian kaki. Pada zaman dahulu, Nanyin sering membuat persembahan di dalam istana untuk menghiburkan maharaja. Oleh sebab para pemuzik Nanyin pada ketika itu agak rendah, manakala kerusi di istana pula tinggi, maka maharaja telah mengurniakan patung emas baginda untuk diletakkan pada kaki pemuzik agar mereka lebih selesa ketika membuat persembahan. Sehingga hari ini, patung singa emas masih dikenangkan bagi memperingati kurniaan dan kemurahan hati maharaja.

Selain itu, sekiranya ada perasan, terdapat sekaki payung berwarna kuning yang diletakkan di sebelah

kanan. Apabila melihat warna kuning, pasti anda sudah dapat meneka yang payung berkenaan pasti mempunyai kaitan dengan raja. Ya, payung tersebut juga adalah pemberian daripada maharaja. Maharaja pada ketika itu sangat menyukai muzik Nanyin dan meminta mereka tinggal di istana. Namun, sampai satu ketika, semua pemuzik Nanyin begitu merindui kampung halaman masing-masing. Oleh itu, maharaja telah mengurniakan payung kepada kumpulan Nanyin sebagai kenangan-kenangan.

Ada satu lagi keistimewaan Nanyin, iaitu nyanyian atau melodi Nanyin tidak boleh diubahsuai atau pun ditukar sesuka hati. Nanyin amat mementingkan bentuk asal dan keasliannya. Menurut pewaris kebudayaan berkenaan, bagi memastikan Nanyin terus kekal dan dipelihara dengan baik, cara yang paling berkesan adalah dengan mengekalkan bentuk asal dan keasliannya. Apabila Nanyin masih mempunyai keaslian, barulah Nanyin mudah dibezakan dengan genre muzik yang lain, dan tatkala mendengar sahaja alunan muzik tersebut, maka sudah boleh dipastikan bahawa itulah Nanyin.

Tidak dinafikan, ada kalanya kita tidak dapat memahami bait-bait lirik sesuatu lagu, namun perkara tersebut bukanlah isu besar kerana muzik merupakan bahasa universal. Tidak perlu

ada bahasa-bahasa tertentu untuk kita menyukai sesuatu muzik kerana kadangkala, apabila kita mendengar sesuatu lagu dengan melodi yang begitu indah dan membuat perasaan, kita pasti akan menyukai lagu tersebut, walau apa pun bahasa yang digunakan dan dari mana lagu tersebut berasal, sama seperti kita mendengar Mozart, Beethoven, dan sebagainya.

Disiplin Nanyin itu wajar dicontohi oleh genre muzik yang lain bagi mengekalkan keaslian dan ciri-ciri istimewa sesuatu muzik itu agar tidak bercampur aduk dengan

pelbagai pengaruh muzik luar. Satu hal yang paling menyedihkan ialah nilai dan martabat sesuatu muzik itu turut hilang dibawa arus zaman. Menurut maklumat, Nanyin telah mendapat pengiktiran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2009, di samping sedang dalam proses untuk menerbitkan 3000 ribu buah lagu. Syabas kepada semua pihak yang terus mempertahankan Nanyin. Semua usaha anda akan dicontohi. **Ks**





# Bandar-bandar



## Pelancongan di Taiwan

Taiwan yang berkeluasan 35,882 kilometer persegi merupakan pulau yang paling besar di negara China. Bila sebut Taiwan, pasti ramai yang teringat akan bandar Taipei. Namun selain bandar yang mempunyai mercu tanda Menara 101 itu, terdapat juga banyak bandar yang mempunyai tarikan tersendiri dan boleh ditambah dalam senarai tempat yang perlu dikunjungi.

### Jiufen, Bandar New Taipei

Jiufen merupakan pekan kecil yang terletak di atas bukit dengan pemandangan yang cukup indah menghadap laut dan dikelilingi gunung-ganang, selain terkenal dengan pemandangan matahari terbenam yang amat menawan hati.

Semasa zaman Dinasti Qing, pekan terpencil itu ditemui ketika emas mula dijumpai semasa penjajahan Jepun pada 1893. Jiufen merupakan pusat perlombongan emas yang berlokasi di kawasan pergunungan utara Taiwan.

Kebanyakan bangunan di Jiufen masih mengekalkan reka bentuk bangunan

asal hingga hari ini serta dibina begitu rapat hingga membentuk lorong-lorong kecil yang boleh dilalui untuk ke jalan utama. Paling mendapat tumpuan para pelancong di sini ialah Jiufen Old Street, sebatang lorong kecil di mana kedai-kedai yang terletak di sepanjang lorong tersebut menjual beraneka cenderamata, snek tempatan



popular seperti Taro Ball, Ah Zhu Peanut Ice Cream, dan banyak lagi.

Lawatan anda tidak lengkap sekiranya anda tidak singgah di Jinguashi Gold Mining Town yang terletak hanya 10 minit dengan menaiki kereta dari pekan Jiufen diikuti oleh Golden Waterfall yang berada di tepi jalan utama. Malah, lokasi pemandangan terkenal di sana, Yin Yang Sea turut boleh dilihat berhampiran dengan komuniti Changren.

Kelihatan warna air lautnya seolah-olah terbahagi dua.

### Daerah Yilan

Sungguhpun perjalanan singkat dari bandar Taipei melalui Lebuh Raya No.5, daerah Yilan tetap kekal berbeza daripada kemodenan kota raya lain. Daerah ini terdapat pohon-pohon yang menghijau, tempat sesuai untuk melarikan diri sebentar daripada kesibukan bandar.

Pesisir pantainya yang panjang menghadap Lautan Pasifik, membolehkan para pelancong berseronok dengan bermain sukan air dan melakukan aktiviti di tepi pantai. Ladang tanaman dan ternakan yang diusahakan di dataran terpencil membekalkan produk segar kepada penduduk Taipei. Gunung-ganang dan kawasan kaki bukit yang bergema dengan bunyian hidupan rimba, memenuhi kawasan rekreasi hutan dan pusat peranginan kolam air panas yang popular.

Kawasan Rekreasi Rimba Taipingshan merupakan pangkalan pembalakan lama yang dilengkapi pameran peralatan perhutanan. Para pelawat juga boleh menaiki kereta api hutan antik dan mengetahui maklumat tentang hutan di laluan trek dan menyaksikan kepulan awan yang menyelubungi lembah pergunungan.

Kawasan Rekreasi Hutan Qilan merupakan bekas nurseri perhutanan. Di situ terdapat kotej yang pernah didiami oleh Chiang Kai-shek yang dipamerkan dalam bentuk asal ketika beliau tinggal di sana. Ada pameran mengenai kumpulan tentera veteran yang pernah membina jalan dan bekerja di kawasan pergunungan tersebut. Disediakan juga laluan trek rimba dan lawatan yang dibimbing pemandu pelancong.

Kawasan Rekreasi Hutan Mingchi yang terletak di puncak tertinggi di Northern Cross-Island Highway, kadang-

kadang bersalji pada musim sejuk. Di situ, terdapat tasik indah yang tersorok, taman dan kolam ala Dinasti Tang, taman lumut, taman paku-pakis dan Taman Rimba Memorial Sun Yat-sen.

### Bandar Hualien


Selain Yilan dan Taitung, sebuah lagi bandar kecil yang molek terletak di persisiran timur Taiwan ialah Hualien. Ketika melawat ke bandar ini, para pelancong akan merasai relaks dan santai, masa bergerak perlahan dan orang ramai sentiasa melemparkan senyuman.

Qixingtan atau Tasik Tujuh Bintang yang berada di barat laut bandar ini, merupakan teluk melengkung yang cantik. Teluk ini menghadap Lautan Pasifik yang hijau membiru, sementara di belakangnya ialah Qingshui Cliff, cenuram yang menggerunkan. Cenuram itu berbatu-batu panjangnya dan beribu-ribu kaki tingginya.

Terdapat laluan basikal yang bersambung dengan rangkaian laluan di bandar dan daerah berdekatan. Antara tempat yang menarik di sini ialah Taman Arca Baru, Plaza Melihat Bintang, Bangunan Mentari Terbit dan taman botani di tepi pantai.

### Bandar Keelung

Keelung, bandar kecil di pesisir pantai utara pulau Taiwan, ialah pelabuhan



perdagangan kedua terbesar di provinsi Taiwan. Pelabuhan semula jadi dengan tanjung yang dalam dan persekitaran bergunung-ganang menyajikan pemandangan yang begitu dramatik dan memukau mata.


Pelabuhan yang panjang dan sempit ini sarat dengan kapal tentera laut, kapal pukat tunda, kapal kargo yang datang dari serata dunia dan kapal persiaran yang kadang kala berlabuh.

Berdekatan dengan pelabuhan tersebut ialah Pasar Malam Miaokou atau Mulut Kuil. Pasar Malam Miaokou merupakan antara pasar malam yang tersohor di Taiwan. Oleh sebab berhampiran dengan laut, makanan laut menjadi tarikan utama di pasar malam itu.

Selain itu, makanan tempura Jepun versi Taiwan yang digemari ramai, 'tianbula', dihidangkan dengan sos merah yang manis atau pedas.

Berdekatan dengan tempat tersebut ialah Kedai Pastri Lee Hu di No. 90 Ren 3rd Road. Kedai itu merupakan kedai kek nanas yang terkemuka di Taiwan, dan kek nanas di situ sering dijadikan hadiah atau buah tangan yang paling digemari. Heping Island Park di jalan masuk pelabuhan dihubungkan oleh jambatan pendek.

Di lokasi tersebut terdapat taman hiburan, formasi batu ganjil, restoran makanan laut, lorong-lorong kecil yang santai dan Muzium Budaya Orang Asli (Aboriginal Culture Museum). **KS**



Kereta Api Yang Membawa Anda ke

# Alam Khayalan

## Laluan K1227

Kereta Api ke Paling Timur China

Terdapat satu laluan kereta api yang boleh membawa anda ke bandar yang terletak di hujung timur China bagi menyaksikan matahari terbit yang paling awal di China, di samping merentasi kaki Gunung Changbai yang mempesonakan, iaitu laluan K1227 yang bertolak dari bandar Shenyang, ibu kota provinsi Liaoning ke Fuyuan, provinsi Heilongjiang, yang mengambil masa selama 20 jam 27 minit.

Tiket berharga RMB488.80 (RM315.5) menyediakan tempat tidur yang serba mewah, manakala tiket

yang berharga RMB310.50 (RM200.5) untuk tempat tidur biasa.

Kereta api K1227 yang bertolak dari Shenyang ke Fuyuan, kawasan paling timur dalam peta China akan merentasi dataran bersalji sepanjang 1,100 kilometer.

Pada musim sejuk ini, jika menaiki kereta api tersebut, anda berpeluang untuk merasai suhu yang semakin dingin seiring dengan pergerakan kereta api yang menuju ke arah timur.

Embun akan membeku di permukaan tingkap gerabak sehingga anda tidak dapat

melihat apa-apa pun di luar.

Sepanjang laluan kereta api itu terdapat banyak perhentian, antaranya termasuklah beberapa stesen utama yang boleh dijadikan mercu tanda bagi kawasan timur laut China.

Bandar Shenyang tentu akan pertama kali disebut ketika membicarakan kawasan timur laut China.

Istana Kuno Shenyang wajib untuk dilawati, walaupun tidak dapat dibandingkan dengan Istana Kuno di Beijing, namun sebagai istana sementara di timur laut China, istana tersebut masih dipelihara dengan baik.

Di bandar Shenyang, terdapat banyak warga Korea Selatan dan etnik Korea China yang tinggal di kawasan yang dinamakan Xita. Oleh itu, anda boleh menikmati kebudayaan etnik Korea dan suasana kehidupan mereka.

Di taman budaya inovasi 1905 yang terletak di Tiesi, kesenian timur laut China akan muncul di hadapan mata anda.

Selain itu, program lain seperti melawat ke pameran ukiran ais, bermain ski dan mandi-manda di mata air panas, semuanya boleh dinikmati sepuasnya di Shenyang.

Ketika tiba di bandar Changchun, anda berpeluang untuk menyaksikan sebuah bandar yang dipenuhi unsur-unsur kesenian.

Syarikat Penerbitan Filem Changchun pernah mengeluarkan lebih seratus buah filem, yang boleh

dikatakan sebagai saksi sejarah perkembangan industri perfilman di China.


Di bandar Changchun juga terdapat banyak tanda sejarah masa lampau, misalnya bas elektrik no.54 yang mula beroperasi pada 1 November 1941, dan hingga kini masih beroperasi.

Stesen terakhir bagi laluan kereta api K1227 ialah kaunti Fuyuan, kawasan paling timur di China.

Tempat yang paling

terkenal di Fuyuan ialah pekan Wusu, pekan yang paling kecil di dunia dan kawasan yang paling awal menerima pancaran matahari di China.

Dahulu, pekan Wusu didiami oleh sebuah keluarga, sekarang keluarga itu pun berpindah ke tempat lain akibat banjir besar yang melanda pekan itu pada tahun 2013. Kini, hanya terdapat sebuah pos tentera yang bertugas menjaga kawasan sempadan negara di sana.



### Kereta Api Dunia Salji

Terdapat satu laluan kereta api yang hanya beroperasi pada musim sejuk di kawasan timur laut China. Laluan yang menghubungkan bandar Shenyang dengan Sungai Songjiang ini beroperasi dari 2 Disember hingga 16 Februari pada musim sejuk yang baru berlalu.

Harga tiket yang ditawarkan

adalah antara RMB3,000 (RM1,936) hingga RMB7,000 (RM4,516). Harga tersebut termasuk harga bagi pakej percutian selama enam hari lima malam.

Para penumpang kereta api itu akan dapat menikmati penginapan selama tiga malam di hotel, dua malam di dalam kereta api, tiga kali masuk

ke taman tema air Wanda Changbai, ski sepanjang hari dengan tiga kali di pusat peranginan, di samping perkhidmatan pengangkutan antara stesen kereta api Sungai Songjiang dengan destinasi percutian. Kereta api tersebut menyediakan sejumlah 40 bilik yang masing-masing untuk

dua orang atau empat orang, dengan setiap bilik dilengkapi dengan bilik air. Tempat tidur pula disediakan lampu dan kusyen.

Restoran dalam kereta api itu luas. Selain itu, sarapan dan snek untuk makan malam diberikan kepada penumpang secara percuma.

Kereta api itu juga menyediakan bilik untuk menonton filem, bermain catur, mengikuti kelas ski, di samping menyediakan perkhidmatan maklumat pelancongan kepada para penumpang, selain banyak aktiviti yang khusus untuk kanak-kanak.

Ketika menaiki kereta api tersebut anda akan dibawa menelusuri Gunung Changbai. Di sana anda berpeluang untuk menikmati pemandangan Tasik Tianchi yang diliputi salji.

Jika hendak menikmati pemandangan salji di sana,

selain bersiar-siar di Tasik Tianchi, pelancong juga boleh memilih untuk menaiki kereta kabel sambil menikmati dunia berwarna putih dari udara.

Kebanyakan pelancong memilih untuk menaiki kereta api tersebut dengan tujuan bermain ski di pergunungan Changbai.

Musim salji di sana bermula pada bulan November hingga bulan April tahun berikutnya dengan ketebalan salji mencecah lebih satu meter, sangat lembut dan amat sesuai untuk sukan ski.

Di pusat peranginan Gunung Changbai Wanda terdapat 43 lorong ski dan lima laluan kereta kabel bagi memenuhi keperluan pemain ski yang berbeza-beza.

Selain itu, bagi para pelancong yang tidak suka atau tidak berani bermain ski,

aktiviti lain seperti luncur ais dan lain-lain permainan juga terdapat di sana.

Pusat peranginan Gunung Changbai Wanda terdiri daripada sembilan buah hotel yang bertaraf dunia, antaranya termasuklah The Westin, Sheraton, dan Hyatt yang bertaraf lima bintang .

Suasana sekeliling pusat peranginan tersebut seumpama sebuah pekan ski di Eropah dan Amerika Utara.

Selain terdapat hotel yang bertaraf lima bintang, bagi pelancong yang suka bermandi air panas, boleh memilih untuk menginap di Hotel Hannanshan.

Air panas di hotel itu diambil dari bawah tanah sedalam 2,800 meter yang mengandungi pelbagai jenis unsur penting yang diperlukan oleh tubuh badan manusia. **KS**





# Taman Tema Ocean Park Hong Kong

Ocean Park Hong Kong yang dibuka pada 1977 merupakan sebuah taman tema hidupan laut yang menampilkan pameran haiwan, persembahan hiburan, permainan gelongsor dan aktiviti-aktiviti mengasyikkan yang lain.

Keistimewaan Ocean Park Hong Kong ialah taman ini menawarkan pengalaman bertaraf dunia dengan menggabungkan elemen hiburan, pendidikan dan pemuliharaan kepada para pengunjung, sekali gus membolehkannya menggondol Applause Award yang pertama di Asia, iaitu anugerah paling berprestij dalam industri hiburan dan taman tema pada tahun 2012.

## Adventures in Australia

Adventures in Australia membawa anda ke alam pengembalaan bagi menemukan haiwan Australia yang menarik di Hong Kong. Saksikan koala yang berehat di dahan dan walabi berleher merah yang pandai melompat.

## Shark Mystique

Satu perjalanan ke dasar laut untuk menyaksikan lebih seratus jerung dan ikan pari, termasuk ikan yu gergaji. Terokai 360 darjah kecantikan dunia hidupan laut melalui pameran yang menarik ini.

## Thrill Mountain

Di zon ini, anda boleh berada di tebing tinggi dengan menaiki roller-coaster tergantung, Hair Raiser ataupun bergayut secara terbalik dengan menaiki The Flash. Terbang tinggi dengan The Aviator untuk merasai sensasi penerangan dan jangan lupa menaiki Rev Rooster, sejenis kenderaan berkelajuan tinggi.

## Rainforest

Anda boleh menjelaskan kaki ke hutan tropika dengan menaiki rakit. Dalam pengembalaan ini, anda akan

menemui pelbagai jenis haiwan yang unik dari seluruh dunia. Saksikan gerak-geri monyet terkecil di dunia, tikus terbesar di dunia dan juga burung toucan terkecil di dunia.

## Aqua City

Di kawasan dengan tema marin yang bertaraf dunia ini, anda boleh menyaksikan pertunjukan pelbagai deria yang menggunakan skrin air 360 darjah yang pertama di dunia, memulakan perjalanan ke dalam Grand Aquarium atau melihat hidupan laut dari akuarium kubah terbesar di



dunia. Anda juga boleh singgah di Restoran Neptune untuk memperoleh pengalaman menikmati makanan di dalam akuarium.

## Amazing Asian Animals

Pameran ini membolehkan anda menyaksikan haiwan-haiwan yang jarang-jarang dijumpai di Asia. Melalui pengembalaan interaktif di Giant Panda Adventure, anda boleh mempelajari tentang pelbagai spesies haiwan seperti panda gergasi, panda merah, salamander gergasi Cina dan buaya Cina. Saksikan kecantikan ikan emas di pameran Goldfish Treasures ataupun burung-burung yang berwarna-warni.

Ocean Park Hong Kong komited untuk mempromosikan dan menyokong pemuliharaan haiwan di Hong Kong, malah seluruh Asia. Sebahagian daripada kutipan tiket masuk dan jualan barang akan diberikan kepada Ocean Park Conservation Foundation Hong Kong bagi menyokong projek-projek pemuliharaan hidupan liar. **KS**





# Ikan Timah Masak Kicap

Hai, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah. Dalam keluaran kali ini, saya akan memperkenalkan hidangan yang dimasak dengan ikan timah.

Saya masih ingat, ketika saya kecil, ibu saya suka memasak hidangan dengan ikan timah.

Sambil makan di rumah, ibu saya sentiasa berkata, "Anisah, makan lebih ikan timah kerana makan lebih banyak ikan, kamu akan lebih pintar".

Hingga kini, saya tidak pasti sama ada kepintaran saya disebabkan tabiat saya yang banyak makan ikan semasa kecil.

Ikan timah merupakan sejenis ikan laut yang sangat saya gemari.

Ikan timah sangat baik untuk menaikkan selera makan, menambah darah serta menyihatkan jantung dan kulit.

Selain itu, ikan timah berkhasiat bagi mereka yang mengalami masalah penceraan.

Ikan timah juga baik sekiranya dimakan dengan buah betik kerana dipercayai mampu menguatkan

badan dan membantu para ibu yang baru melahirkan anak menghasilkan susu dengan lebih banyak.

Jadi, Anisah ingin berkongsi cara memasak Ikan Timah Masak Kicap dengan semua pembaca. Selamat mencuba! **KS**

**Bahan:** 300 gram Ikan timah, Minyak masak, Adas manis, Kicap, Garam, Gula, Bawang, Halia.

#### Cara memasak:

- Siang dan bersihkan ikan timah. Kemudian, potong sederhana besar.
- Panaskan kuali dengan minyak masak. Setelah panas, masukkan ikan timah untuk digoreng hingga warna ikan keemasan. Kemudian, keluarkan ikan.
- Panaskan minyak dalam kuali, masukkan bawang dan halia, tumis seketika. Masukkan ikan timah yang digoreng, masukkan kicap, gula, adas manis dan air panas. Bubuh garam dan masak dengan api sederhana selama 10 minit.



## The Great Wall Travel Prepaid Card 长城旅游预付卡

Your Perfect Travel Companion



With The Great Wall Travel Prepaid Card, you carry the symbol of excellence recognized throughout China.

Enjoy a suite of exclusive perks and privileges to make every trip a hassle-free, enjoyable and productive one.

#### Widest Access to UnionPay

UnionPay makes every transaction a breeze with China's largest payment network.  
使用中国银联网络，让您随心随意支付。

#### Zero Maintenance Fees

No Government Service Tax (GST), annual fee and monthly maintenance fee.  
豁免政府税，不收取服务费、年费或月费。

#### Preferential Discounts & Exclusive Privileges

Enjoy access to a wide range of traveling, shopping, dining and entertainment deals in Mainland China, Hong Kong, Macau & Southeast Asia Countries all year round.

尽享中国、港澳、东南亚地区精选优惠商户，享受全年旅游、购物、餐饮、娱乐优惠。

#### Elegant Card Design

Exquisite card face with Dragon and auspicious clouds symbolize power and good luck.  
精美龙形卡面，点缀祥云，给您带来力量与好运。



Bank Of China (Malaysia) Berhad website: [www.bankofchina.com/my/](http://www.bankofchina.com/my/)  
For more information and card application, please call 603-21750515 or visit any of our branches nationwide.



# NI HAO 你好

3.10 – 4.00 ptg

*Selendang Sutera* 新丝路  
9.00 – 10.00 mlm

**FM93.9 Kuala Lumpur**

**FM107.5 Johor Bahru**

**FM107.9 Kota Kinabalu**

**FM100.9 Kuching**

**FM100.9 Kuching**

**FM100.9 Kuching**

Program Hi Hao dan Selendang Sutera yang dibawakan khas oleh China Radio International (CRI) akan berjumpa dengan anda pada setiap Isnin hingga Jumaat di Bernama Radio.